

Usaha atur semula ekonomi global mesti ditulis dengan ‘dakwat Asia’

PM cadang konsep saling bergantung secara berdaulat selesaikan isu

Daripada Najmuddin Najib

bhnews@bh.com.my

di Tianjin, China



Anwar ketika memberi syarahan awam di Universiti Tianjin, China, semalam.

(Foto BERNAMA)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pelbagai usaha mengatur semula ekonomi global oleh Barat menunjukkan bahawa masa depan juga mesti ditulis dengan ‘dakwat Asia’.

Beliau berkata terdapat beberapa detik bersejarah dalam bidang ekonomi, antaranya penubuhan sistem kewangan antarabangsa baharu selepas Perang Dunia Kedua serta pengakhiran pawai emas pada tahun 1971.

Terkini, katanya, ialah pengenaan tarif timbal balik oleh pentadbiran Amerika Syarikat yang digelar sebagai ‘Hari Pembebasan’, yang Perdana Menteri sifatkan sebagai ‘senjata perdagangan’.

“Setiap aturan semula ini ditentukan jauh dari rantau kita. Asia hadir - tetapi bukan mententukannya.

“Hari ini, kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa bab seterusnya juga ‘ditulis dengan dakwat Asia’,” katanya ketika menyampaikan syarahan awam di Universiti Tianjin bertajuk *Sovereign Interdependence: Building a Shared Future in Asia* di sini semalam.

Anwar berkata, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menganggarkan perpecahan perdagangan yang teruk dan pemisahan teknologi boleh menyebabkan setengah negara kehilangan sehingga 12 peratus daripada keluaran negara mereka.

Beliau berkata keadaan itu mendedahkan ekonomi sedang pesat membangun.

“Selama beberapa dekad, keterbukaan telah membolehkan mereka melonjak ke hadapan, menghampiri pendapatan lebih tinggi dan mengeluarkan ratusan juta orang daripada kemiskinan.

“Jika pengetahuan, teknologi dan modal kini hanya mengalir dalam blok tertutup, ‘tangga’ peluang mungkin ditendang jatuh ketika yang lain baru mula memanjat,” katanya.

Justeru, Anwar mencadangkan konsep ‘saling bergantung secara berdaulat’ sebagai kaedah untuk menyelesaikan isu itu.

Ini, katanya, bermakna membenarkan negara untuk ‘kekal sepenuhnya sebagai diri mereka - berdaulat dalam pilihan, bersuara dan takdir - sambil terus terbuka kepada aliran perdagangan

dan pelaburan, bakat serta teknologi, yang menjadi asas kepada kemakmuran.’

Beliau memberi contoh Laksamana Zheng He dari China, yang menghubungkan Melaka purba dengan Arab dan Afrika.

Zheng He, katanya, membawa hadiah, bukan penaklukan serta pertukaran, bukan penindasan.

“Kita mesti merangka hubungan saling bergantung yang memperkukuh kedaulatan, bukannya melemahkannya. Saling bergantung tidak seharusnya menjadikan kebimbangan negara bahawa autonomi mereka akan terhakis.

“Ia sepatutnya memberi keyakinan bahawa dengan saling terhubung, ketahanan mereka berlipat ganda,” katanya.

Asia pemacu utama

Beliau berkata Asia, sebagai pemacu utama pertumbuhan global, mempunyai tanggungjawab khusus untuk merealisasikan perkara itu.

“Malaysia boleh menyumbang dengan caranya sendiri, untuk menunjukkan bahawa adalah mungkin menjadi berdaulat tanpa bersifat curiga, terbuka

tanpa menjadi naif.

“Dan Asia, sebagai sebuah komuniti bangsa yang pelbagai, mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pengaturan semula ekonomi seterusnya bukanlah berasaskan perpecahan, tetapi berasaskan keadilan dan kemakmuran bersama,” katanya.

Universiti Tianjin dianggap sebagai institusi pendidikan tinggi moden tertua dalam sejarah China.

Universiti itu menempatkan pelajar Malaysia paling ramai di Tianjin. Ia juga mempunyai program Ijazah Berkembar Kejuruteraan Kimia dengan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Perdana Menteri berada di China untuk lawatan kerja empat hari, iaitu lawatan keempat beliau sejak tahun 2023.

Perdana Menteri juga menyifatkan hubungan erat antara Malaysia dan China kerana ada saling menghormati serta keyakinan antara satu sama lain memabatkan kedua-dua negara.

Beliau berkata langkah Malaysia menjadi negara bukan sosialis pertama yang mengiktiraf

China pada 1974 adalah ‘isyarat berani dan keyakinan terhadap masa depan’ yang membawa kepada terjalannya hubungan berasaskan landasan kukuh.

“Setengah abad kemudian, keyakinan itu telah berkembang menjadi satu tabiat saling percaya - kukuh, kadang kala senyap, tetapi sentiasa nyata,” katanya.

Anwar turut merakamkan penghargaan kepada Presiden Xi Jinping kerana membantu menyuburkan hubungan istimewa antara kedua-dua negara.

“Tiga pertemuan saya setakat ini dengan Presiden Xi Jinping - yang terbaru ketika lawatan negara beliau ke Kuala Lumpur pada April lalu - adalah kesinambungan perjalanan panjang itu.

“Setiap pertemuan membawa kefahaman bahawa kedua-dua negara kita, berbeza dari segi saiz tetapi setara dalam penghormatan, boleh bercakap dengan terus terang dan bertin dak dengan konsisten,” katanya.

Beliau berkata rasa saling percaya itu menjadikan kerjasama praktikal bukan sahaja boleh dilaksanakan, malah kukuh dar bertenaga.